



## JABATAN PENDIDIKAN SELANGOR

Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4,  
40604 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN,  
MALAYSIA



Tel : 03 - 5518 6500  
Faks : 03 - 5510 2133

Laman Web : <http://jpnselangor.moe.gov.my>

Rujukan Kami : JPNS.KOR.600-3/5/19 Jld.2 (04)  
Tarikh : 24 JANUARI 2019

YBhg. Datuk Dr. Ir. Hong Lee Pee  
Pengerusi  
Jawatankuasa Pemandu KLESF  
Universiti Tunku Abdul Rahman  
Jalan Sungai Long, Bandar Baru Sungai Long  
Cheras, 43000 Kajang  
Selangor

YBhg. Datuk Dr. Ir.,

### **KELULUSAN PENGANJURAN KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF): THE FAIR 2019**

Dengan hormatnya surat YBhg. Datuk Dr. Ir. adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Pendidikan Malaysia telah menerima permohonan daripada pihak Jawatankuasa Pemandu Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) untuk meneruskan penganjuran KLESF 2019. Program ini bertujuan untuk meningkatkan dan memupuk minat murid sekolah dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

3. Setelah meneliti surat permohonan tersebut, Jabatan Pendidikan Selangor tiada halangan untuk membenarkan pihak YBhg. Datuk Dr. Ir. melaksanakan program tersebut seperti dalam perancangan.

4. Kelulusan ini juga tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 9/2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2009 dan Bil.7/1988 yang antaranya mengandungi perkara-perkara berikut:

- 4.1 Mendapat kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- 4.2 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 4.3 Murid-murid dan guru serta pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 4.4 Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;
- 4.5 Penglibatan murid juga perlu diiringi oleh guru sekolah berkenaan;
- 4.6 Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka; dan
- 4.7 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan.

“ Jabatan Pendidikan Selangor Terbilang ”




5. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa penyertaan guru dan murid dalam program tersebut tidak akan memberikan implikasi kewangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Selangor dan Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat. Pihak YBhg. Datuk Dr. Ir. juga diminta berbincang dan mendapat kebenaran Pengetua dan Guru Besar sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi yang negative daripada program yang dijalankan. Pihak YBhg Datuk. Dr. Ir. juga diingatkan agar semua surat menyurat berkaitan program ini hendaklah melalui Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Selangor/Pejabat Pendidikan Daerah bukan terus kepada pihak sekolah.

6. Kelulusan ini adalah hanya untuk Program KLESF 2019 seperti yang dinyatakan dan tamat tempohnya pada 31 Disember 2019. Sebarang pertanyaan pihak tuan boleh menghubungi pegawai di jabatan ini, **Tunku Saidatul Bariah bt. Tunku Nizam**, Unit Kokurikulum Jabatan Pendidikan Selangor melalui talian **03-5513 8242**. Kerjasama dan jasa baik tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI MOHD SALLEH BIN MOHD KASSIM, s.i.s.)**  
Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Selangor

s.k      1. Ketua Sektor, Sektor Pembangunan Kemanusiaan, JPNS  
            2. Pengerusi Jawatankuasa Pemandu KLESF